



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA Bagi Minggu 1/2016 (3 Januari hingga 9 Januari 2016)

Kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara pada minggu pertama tahun 2016 masih menunjukkan peningkatan kes dan ini berterusan sejak awal November 2015. Sebanyak 3,337 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara, berbanding 2,511 kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya iaitu minggu akhir tahun 2015 dengan peningkatan sebanyak 33% (826 kes). Peningkatan kes melibatkan 13 buah negeri iaitu Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan, Terengganu, Pahang, Melaka, Sarawak, Pulau Pinang, Kelantan, Perlis, Sabah dan Perak. Malah pada minggu pertama tahun 2016, telah ada empat (4) kematian dilaporkan daripada Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan dan Terengganu. Jumlah lokaliti wabak didapati turut meningkat pada minggu pertama tahun 2016 iaitu 1,044 lokaliti berbanding 907 lokaliti pada minggu sebelumnya. Di samping itu, lokaliti hotspot turut meningkat daripada 145 lokaliti kepada 161 lokaliti melibatkan 7 buah negeri iaitu di Selangor (122), Johor (22), Perak (8), Pulau Pinang (4), Sabah (2), Negeri Sembilan (2) dan WPKL & Putrajaya (1).

Walaupun tren kes sejak dua tahun kebelakangan ini meningkat pada awal tahun, namun kes yang dilaporkan pada minggu pertama tahun 2016 (3,337 kes) lebih tinggi daripada kes yang dilaporkan pada minggu sama 2015 iaitu 2,633 kes. Pada keseluruhan tahun 2015, sebanyak 120,836 kes telah dilaporkan, peningkatan sebanyak 11.2%

atau 12,138 kes berbanding 108,698 kes yang dilaporkan pada tahun 2014.

Daripada analisa KKM, antara faktor penyumbang peningkatan kes demam denggi yang berterusan adalah faktor persekitaran yang tidak bersih, tabiat masyarakat membuang sampah merata-rata dan ketidakcekapan pengurusan sampah. Di samping itu, faktor pergerakan manusia yang lebih meluas, kepadatan penduduk yang tinggi dan proses urbanisasi yang pesat membangun turut menyumbang kepada peningkatan kes denggi ini. Berdasarkan pengaruh faktor-faktor ini maka pencegahan denggi memerlukan penglibatan masyarakat, agensi-agensi lain dan semua pihak.

Di samping itu, menurut kenyataan media yang dikeluarkan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 8 Januari 2016, adalah dijangkakan fenomena El Nino dengan cuaca panas dan kering dijangka akan berlaku di seluruh negara pada penghujung Januari hingga Mac 2016. Dalam keadaan cuaca kering dan suhu tinggi, kitaran hidup nyamuk Aedes daripada telur ke peringkat nyamuk dewasa adalah semakin singkat iaitu kurang dari tujuh hari dan ini menyebabkan populasi nyamuk akan meningkat dalam tempoh tersebut. Selain itu, suhu panas akan menyebabkan nyamuk lebih aktif dan frekuensi menggigit mangsa adalah tinggi serta penyebaran virus denggi akan lebih meluas. Fenomena ini juga menyebabkan hujan berkurangan dan isu bekalan air akan berlaku. Masyarakat akan menakung air bagi menampung bekalan air harian, oleh itu adalah penting memastikan ianya tiada pembiakan Aedes. Situasi akibat fenomena El Nino memberi kesan kepada tabiat vektor dan masyarakat dan pada tahun ini, dijangka fenomena ini berupaya menyebabkan peningkatan kes denggi sehingga 50%.

Isu denggi ini perlu ditangani melalui kaedah yang lebih kreatif, inovatif, menyeluruh dan bersepadu melibatkan pelbagai kementerian dan agensi. Sehubungan itu, KKM berharap semua kementerian, agensi, NGO serta pihak masyarakat mengambil tindakan proaktif melakukan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:-

- i. Semua Kementerian, Jabatan dan Agensi perlu meningkatkan aktiviti pembersihan persekitaran serta “cari dan musnah” tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes setiap minggu di institusi masing-masing
- ii. Pihak Berkuasa Tempatan memastikan sampah dikutip mengikut jadual yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 3 kali seminggu bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes serta penyakit berjangkit yang lain. Disamping itu, meningkatkan penguatkuasaan terhadap aktiviti pembuangan sampah haram. Aktiviti pencegahan seperti larvaciding perlu dilaksanakan di kawasan berisiko ini.
- iii. Pemeriksaan dan penguatkuasaan di tapak-tapak binaan hendaklah dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
- iv. Pihak masyarakat diseru untuk membersihkan kawasan persekitaran masing-masing disamping melakukan aktiviti “cari dan musnah” tempat-tempat pembiakan Aedes setiap minggu. Mereka juga disaran untuk melindungi diri daripada gigitan nyamuk Aedes dengan menggunakan repelen dan memakai baju berlengan

panjang terutama apabila berada di luar rumah, khususnya pada waktu awal pagi dan lewat senja.

- v. Pihak masyarakat, Jawatankuasa Persatuan Penduduk, PBT dan KKM melaksanakan aktiviti “Gotong Royong Mega” secara bersepadu dengan jabatan dan agensi lain seperti JPAM, ATM, RELA, PDRM dan NGO dari semasa ke semasa terutama melibatkan kawasan tanah atau lot kosong yang berisiko untuk pembiakan Aedes.

Kementerian Kesihatan Malaysia amat berharap agar pendekatan pencegahan dan kawalan denggi yang menyeluruh melalui *integrated management* serta komitmen pihak masyarakat dalam memastikan persekitaran mereka bersih akan dapat mencegah kes denggi daripada terus meningkat.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

11 Januari 2015

**KES DENGGI DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA MINGGU 1 TAHUN 2016, 2015 DAN KES SELURUHAN 2015**

Bil.	Negeri	Jumlah Terkumpul Kes Denggi Pada Minggu 01/2016	Jumlah Terkumpul Kes Denggi Pada Minggu 01/2015	Jumlah Kes Keseluruhan Bagi 2015
1	Perlis	13	10	258 (1)
2	Kedah	13	20	1,000 (14)
3	P. Pinang	155	130 (2)	5,830 (19)
4	Perak	126	349	9,466 (25)
5	Selangor	1,681 (1)	1,406 (2)	63,198 (127)
6	WP KL & Putrajaya	237 (1)	154	8,332 (34)
7	N. Sembilan	128 (1)	34	2,454 (16)
8	Melaka	72	48	2,420 (8)
9	Johor	513	128 (1)	15,743 (51)
10	Pahang	91	108	3,001 (16)
11	Terengganu	108 (1)	30	1,455 (5)
12	Kelantan	58	32	2,850 (7)
13	Sarawak	32	115	1,923 (3)
14	Sabah	110	69	2,904 (10)
15	WP Labuan	0	0	2
	MALAYSIA	3,337 (4)	2,633 (5)	120,836 (336)

Nota: () Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA MG 1/2016

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Molek 2/	68	213
2	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U_Kebangsaan	60	210
3	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 1	51	167
4	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	35	125
5	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya	70	121
6	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 1 : Blok A, B, C	47	120
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Flat A : Blok 1 - 22)	113	107
8	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 9	55	105
9	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	47	102
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	24	101
11	SELANGOR	Kuala Selangor	Jalan Chengal Saujana Utama	38	98
12	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Sri Kundang	15	96
13	SELANGOR	Kuala Langat	Lorong 19-23,Kg Baru Sg.Jarom	36	93
14	SELANGOR	Petaling	Ss 15/4 (Rumah Kedai, First Subang & Kolej Inti)	41	92
15	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Jaya Mas	35	91
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/38-3/52 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	17	89
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Rumah Kedai A : Jln 27/7 - 27/19)	56	89
18	SELANGOR	Gombak	Flat Samudera Timur	12	88
19	SELANGOR	Gombak	Tmn Selaseh Fasa 2	18	85
20	SELANGOR	Gombak	Tmn Sunway Bt Caves	28	85
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Persanda)	34	83

22	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6 Flat Pelangi Damansara (D, E, F)	20	83
23	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Fasa 2	39	83
24	SELANGOR	Gombak	Tmn Pinggiran Bt Caves	17	82
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Flat B : Blok 13 - 19)	54	82
26	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Wira Damai	19	80
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Teres E : Jln 13/77 - 13/78j)	23	79
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 9 Taman Cheras Jaya	16	78
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	72	78
30	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Bukit Kajang	34	76
31	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	38	73
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen U8 (Teres K : Jln U8/48 - U8/64)	57	73
33	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Rinting_ Jln Keruing	8	72
34	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Indah _ Jln Indah 1/	23	72
35	SELANGOR	Gombak	Kg Laksamana	24	69
36	SELANGOR	Gombak	Appt Riverdale	8	67
37	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana 3 (East Lake Residence)	21	66
38	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Skudai Indah	15	66
39	PERAK	Kinta	Teluk Kurin A	26	64
40	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 12)	23	63
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Taman Bukit Saga A : Jln 26/24a - 34)	14	62
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 6a Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	31	61
43	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	21	61
44	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Johor Jaya_ Jln Dedap 25-46	15	61
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa C : Jln Mat Raji Kiri)	14	61
46	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	15	60
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres B (Jln 17/16 - Jln 17/24)	17	59

48	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 : Blok D, E, F	14	59
49	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Serindit	26	58
50	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa : Pangsapuri Puteri)	12	57
51	PULAU PINANG	Timur Laut	Tingkat Paya Terubong	18	57
52	PERAK	Kinta	Tmn Pertama	52	55
53	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Rinching	15	55
54	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Putra	12	54
55	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Seri Cempaka Bs	13	54
56	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 3	11	54
57	SELANGOR	Gombak	Kg Baru Kundang	37	53
58	NEGERI SEMBILAN	Seremban	Appartment Desa Palma	10	53
59	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/5 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	15	52
60	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/2a-M Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	18	52
61	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 1)	19	52
62	PERAK	Kinta	Buntong 2	14	51
63	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	28	50
64	SELANGOR	Hulu Selangor	Jalan Seroja 3a, Bs	29	48
65	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Seri Jarom	11	48
66	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 13 Apt Sri Meranti 1 : Blok A - G	18	48
67	SELANGOR	Petaling	Ss 19/6	11	48
68	SELANGOR	Kuala Selangor	Astana Alam 1 (Cindai,Jentayu)	12	47
69	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres A (Jln 17/1a- 17/15)	25	47
70	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Teres G :Jalan 18/36 - 18/39)	10	47
71	WILAYAH PERSEKUTUAN	Cheras	Kem Sg Besi (Upnm)	17	47
72	SELANGOR	Gombak	Bkt Rahman Putra Fasa 7	7	46
73	SELANGOR	Gombak	Kg Matang Pagar	9	46
74	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan St 21-34 Taman Sri Tanjung	11	46

75	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres B : Jln 19/4 - 19/7b)	11	46
76	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Apt Ixora)	7	46
77	SELANGOR	Gombak	Kuarters Ipd Gombak	25	45
78	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 7	11	45
79	SELANGOR	Gombak	Pkns Bt 16 Rawang	8	45
80	JOHOR	Johor Bharu	Kg. Melayu Majidee_Zon 2	13	45
81	SELANGOR	Gombak	Appt Desa Temenggong	17	45
82	SELANGOR	Petaling	Tmn Jinma Sri Kembangan	5	45
83	PERAK	Kinta	Tmn Mewah	12	44
84	PERAK	Kinta	Tmn Tasek Berlian	19	44
85	SELANGOR	Gombak	Appt One Selayang	9	44
86	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Terentang	7	44
87	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/3 Seksyen 1 Bandar Baru Bangi	10	44
88	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Kenari	8	44
89	JOHOR	Johor Bharu	Appt Villa Bestari	8	44
90	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa K : Jalan Bilal Wondo)	11	43
91	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	9	42
92	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/67-76 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	17	41
93	SELANGOR	Petaling	Ss 15/2, 3 (Teres)	14	41
94	SELANGOR	Gombak	Batu Caves Centre Point	7	41
95	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 5/12 Bandar Tasik Kesuma	9	40
96	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat C : Blok 44 - 51)	16	40
97	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Wawasan 3)	6	40
98	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Johor Jaya_Jln Bakawali 1-34	10	40
99	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_Jln Tembikai	17	40
100	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Kenari	12	40
101	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Puteri Wangsa Keris 25-37	11	40
102	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Indah	14	40
103	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 1	10	40

104	PULAU PINANG	Timur Laut	Taman Lembah Hijau	9	39
105	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 2 Taman Pelangi Semenyih	11	39
106	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres D : Jln 19/16 - 19/23)	8	39
107	SELANGOR	Petaling	Seksyen U12 (Pangsapuri Sri Pegaga : Jln U12/1)	9	39
108	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 11	7	39
109	SELANGOR	Petaling	Ss 15/4e (Apartment Bank Negara)	11	39
110	SELANGOR	Petaling	Ss 19/4	8	39
111	JOHOR	Johor Bharu	Kg. Melayu Pandan	8	39
112	JOHOR	Johor Bharu	Taman Suria	22	39
113	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Dahlia_Jalan Semerbak	12	39
114	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 23-32 Taman Jasmin	7	38
115	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat J : Blok 79 - 84)	11	38
116	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U_Perubatan	12	38
117	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bestari Indah, Jln Bestari /3	5	38
118	PERAK	Kinta	Tmn Menglembu Impiana Adril	8	37
119	SELANGOR	Gombak	Tmn Permata	7	37
120	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat H : Blok 64 - 78)	7	37
121	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 9a 2 (Jln 9a/1,2,4,13,14,15,16,18, 19)	7	37
122	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	5	37
123	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Jalan 6c/9-6c/11 Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	7	36
124	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenangan View Taman Bukit Kenangan	10	36
125	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Si 9 Bandar Sungai Long	4	36
126	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	8	36
127	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Flat A : Blok 3 - 8)	9	36
128	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Harmoni 1 (A,B,C,L,M,N,O,P,Q)	17	36

129	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari (Blok 11)	7	36
130	PULAU PINANG	Timur Laut	Taman Seri Damai	8	35
131	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Alamanda-Enau Taman Bukit Belimbing	10	35
132	SELANGOR	Sepang	Taman Dahlia Fasa 2	5	35
133	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Dahlia_Jalan Sejangkak	11	35
134	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 11	8	34
135	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 5 Bandar Teknologi	9	34
136	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	6	34
137	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	9	34
138	PERAK	Kinta	Kg Baru Kanthan	10	34
139	SELANGOR	Gombak	Au2c Taman Keramat	4	34
140	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	9	33
141	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Kaw Perindustrian A : Jln 15/1 - 15/6)	17	33
142	NEGERI SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	9	33
143	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Skudai Baru_Jln Hang Tuah	4	33
144	SABAH	Sandakan	Bandar Ramai-Ramai	6	33
145	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres E (Jln 17/39 - 17/49)	10	33
146	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Kertas	14	32
147	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pandan Lake View Pandan Perdana	4	32
148	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dagang 1/1-1/11 Taman Dagang	7	32
149	SELANGOR	Hulu Langat	Blok N-X Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	8	32
150	SELANGOR	Hulu Langat	Blok K-U Appt Megah Cheras 2	8	32
151	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Perkasa Hulu Langat	4	32
152	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Mewah	5	32
153	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 (Pangsapuri Teratai : Blok 1 - 10)	9	32
154	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Pangsa Taman Bukit Mewah	4	31

155	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	14	31
156	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Flat Jln 17/2, 17/24, 17/26 : Blok 1 - 10)	8	31
157	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Flat B Jln 19/3 : Blok 6 - 9)	8	31
158	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 5 Flat Desa Mentari : Blok 7 & 8	8	31
159	SELANGOR	Sepang	Asrama Kilang Wrp	16	31
160	SABAH	Sandakan	Kem Pga Karamunting	12	31
161	PULAU PINANG	Timur Laut	Apartment Serina Bay	6	31